

CNS2580

R GB 08-01 00128 BH968

AAB

Mahathir - Penyelidikan

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Malaysia perlu meneroka dan menerajui penyelidikan bagi penghasilan barangan yang sesuai digunakan bagi negara-negara tropika, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai kemudahan penyelidikan yang baik dan para penyelidik yang berkebolehan.

Berucap pada majlis jamuan malam meraikan ulang tahun ke-15 Institut Pinauan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) di sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kebanyakan barangan yang digunakan hari ini merupakan ciptaan para penyelidik daripada negara-negara yang beriklim lebih sejuk.

Katanya, keadaan iklim mempengaruhi barangan yang dihasilkan dan oleh itu kebanyakan barangan berkenaan tidak sesuai digunakan di negara-negara tropika.

+Eloklah Malaysia mendahului negara lain dalam penyelidikan ini,+ katanya. -- Lagi

▼08/01/00-09MST

CNS2583

R GB 08-01 00146 BH969

AAB

Mahathir - Penyelidikan 2 Kuala Lumpur

+Sudah tiba masanya kita memikirkan untuk menghasilkan barangan yang sesuai untuk negara tropika+, tambahnya.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini juga perlu mempunyai sifat ingin tahu kerana sifat tersebut akan mendorong mereka mengetahui lebih banyak perkara.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, mutu barangan yang dikeluarkan oleh negara ini adalah baik dan menggesa mutu itu terus dipertingkatkan agar kualiti hidup rakyat negara ini juga terus meningkat.

+Mutu yang baik tidak bermakna pencapaian mutu setakat itu sahaja, tetapi harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk mencapai kecemerlangan. Kita tidak harus berpuas hati dengan mutu yang ada sekarang,+ katanya.

+Mutu yang baik adalah mutu yang diterima hari ini dan tidak pula diterima pada masa akan datang manakala mutu hari ini adalah lebih baik daripada yang sebelumnya,+ tambahnya. -- Lagi

▼08/01/00-27MST

CNS2586

R GB 08-01 00216 BH970

AAB

Mahathir - Penyelidikan 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga berkata, beliau bangga dengan kejayaan Sirim yang telah menjalankan pelbagai penyelidikan dan penentuan mutu barangan kerana penentuan mutu barangan adalah diperlukan supaya barangan daripada jenis yang sama mempunyai ukuran mutu yang sama agar pengguna tidak tertipu.

Beliau juga berharap masyarakat negara ini membuang tanggapan kononnya mutu barangan yang diimport adalah lebih baik daripada barangan yang dihasilkan di negara ini kerana hakikatnya tidak selalu begitu.

Beliau turut menyarankan agar perkataan +standard+ digunakan bagi menggantikan perkataan +piawai+ kerana perkataan +standard+ lebih mudah disebut dan telah lebih lama digunakan daripada perkataan +piawai+.

Pada majlis itu, Perdana Menteri melancarkan promosi +KUALITI+ yang berlambangkan tanda +MS+ (Malaysian Standard) yang akan disiarkan melalui radio, televisyen dan pawagam-pawagam.

Promosi kualiti itu yang diusahakan bersama oleh Sirim dan Syarikat Shell Malaysia bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia mengenai barangan berkualiti berasaskan piawai Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir turut menyampaikan anugerah Sirim kepada 25 syarikat yang menghasilkan keluaran bermutu tinggi manakala Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Encik Law Hieng Ding menyampaikan lesen menggunakan tanda piawai kepada 61 syarikat, sijil pendaftaran sistem kualiti kepada 11 syarikat, sijil akreditasi makmal kepada dua syarikat dan sijil amalan peningkatan kualiti kepada empat buah syarikat. -- Bernama

♥08/01/00-51MST